

Pemuda Umno Kedah Wujudkan 'Tabung Prihatin Nur Fatin Amira'
Bernamea
May 13, 2014

ALOR SETAR, 13 Mei (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Umno Kedah mewujudkan Tabung Prihatin buat seorang kanak-kanak perempuan berusia lapan tahun yang lumpuh setelah terjatuh dalam longkang di sekolahnya pada 17 Jun tahun lepas.

Tabung itu bagi membantu Nur Fatin Amira menampung kos rawatan dan keperluannya berikutan kejadian itu.

Ketua Pemuda Umno Kedah Datuk Shaiful Hazizy Zainol Abidin berkata tabung itu dilancarkan sejak tiga bulan lalu dan sejumlah wang dikumpul untuk diserahkan kepada ibu Nur Fatin Amira, Siti Mashitoh Harun, 29.

"Kita akan buka tabung prihatin di peringkat bahagian bagi membantu sekiranya berlaku kes-kes seperti ini. Kita akan berhubung dengan semua Ketua Pemuda Daerah bagi mendapatkan maklumat sekiranya ada pihak yang memerlukan bantuan seperti kes adik Nur Fatin Amira ini," katanya kepada pemberita selepas penyerahan sumbangan kepada Nur Fatin Amira di Wisma Darulaman di sini Isnin.

Hari ini tabung itu menerima kurniaan daripada Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah sebanyak RM5,000, yang diserahkan kepada Siti Mashitoh oleh Setiausaha Sulit Sultan Kedah Datuk Syed Unan Mashri Syed Abdullah.

"Di atas keprihatinan, Tuanku telah memberi sumbangan bagi menampung kos perubatan dan keperluan adik Nur Fatin Amira. Sekiranya, keperluan kewangan yang diperlukan bertambah, kita akan tambah sumbangan atas perkenan Tuanku," kata Syed Unan Mashri.

Siti Mashitoh dalam pada itu berterima kasih kepada semua pihak yang membantu meringankan beban menanggung kos perubatan dan keperluan anaknya itu.

"Kos untuk menampung perubatan dan keperluan memang tinggi dan kami tidak mampu untuk menanggungnya. Suami Mohd Fauzi Mehad, 30, hanya

bekerja sebagai pembuat rumah di kampung-kampung dan saya pula suri rumah.

"Sebelum ini ada juga mendapat bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat sebanyak RM300 sebulan hanya cukup untuk membeli susu bagi keperluan dua tiga hari sahaja kerana kos susu untuk sehari sahaja sebanyak RM40," katanya.

Siti Mashitoh boleh dihubungi di talian 017-4311503 manakala Mohd Fauzi di talian 019-5489638.

Sumbangan wang boleh dimasukkan ke akaun Bank Simpanan Nasional (BSN) 02113-29-00006073-0 (Siti Mashitoh Harun) atau ke akaun Bank Islam 02011021194042.

Pada 17 Jun tahun lepas Nur Fatin Amira terjatuh ke dalam longkang di sekolahnya dan hasil pemeriksaan di hospital mendapatinya mengalami pendarahan beku di otak kirinya.

Setelah pembedahan membuang darah beku dilakukan, kanak-kanak itu koma pula selama dua bulan dan berada dalam keadaan lumpuh dan kini hanya otak sebelah kanannya sahaja yang berfungsi.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1037912>